

18/09/1999

Makan malam istimewa

MAJLIS makan istimewa sempena Grand Prix Malaysia Petronas akan diadakan di sebuah hotel terkemuka di Kuala Lumpur, 14 Oktober ini.

Tetamu khas majlis itu ialah Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Orang penting di sebalik Formula Satu, Bernie Ecclestone, akan turut menghadirinya.

Menurut kenyataan penganjur majlis makan malam itu, pemandu Formula Satu dan pengurus mereka akan diraikan dalam majlis itu, sehari sebelum latihan rasmi diadakan.

"Majlis makan malam eksklusif itu akan menyaksikan kehadiran pemandu terbaik dunia dan pengurus mereka. Majlis itu akan dihadiri orang kenamaan tempatan dan tokoh korporat untuk memeriahkan majlis," kata Pengurus Besar Sepang International Circuit (SIC) Sdn Bhd, Hussin Mohd Ali.

"Tetamu akan menikmati pelbagai juadah Malaysia dan Barat yang disediakan. Selepas makan malam, tetamu akan dihiburkan dengan pertunjukan kebudayaan tempatan."

(END)